

Lelaki salah guna dadah didenda RM2,000 dan diawasi dua tahun

MIRI: Seorang lelaki didenda RM2,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan bersalah menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, keseriusan kesalahan serta kepentingan

awam.

Tertuduh, Stanson Gau Wesley, 26, dari Gilbert Estate di sini, didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada jam 2.45 pagi, 1 Mei lalu di tandas sebuah pusat hiburan di Centre Point II, Jalan Kubu di sini.

Pendakwaan kes dikenalalakan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.